

25 APR, 2023

## FAMA bantu atasi lambakan sayur

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# FAMA bantu atasi lambakan sayur

**Tawar pengusaha kerjasama ladang kontrak, jamin ambil bekalan pada harga lantai**

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sedia membantu memasarkan lambakan sayur; terutama timun yang dihadapi pengusaha sejak akhir bulan lalu.

Jurucakap FAMA berkata, pihaknya turut menawarkan kerjasama dengan pengusaha menerusi program ladang kontrak dan memberi jaminan mengambil bekalan itu pada harga lantai.

"Kita tawarkan pengusaha adakan kontrak dengan FAMA supaya bila berlaku lambakan sayur, kita ambil bekalan mereka dan pasarkan.

"Dari segi harga, kita akan ambil kadar lantai ditetapkan se-

belum ini. Contohnya, ketika perjanjian dibuat dengan FAMA, harga lantai ditetapkan 80 sen setiap kilogram, bila berlaku lambakan kita guna harga itu.

"Bagaimanapun, ia memerlukan kerjasama semua pihak kerana apa yang berlaku kini, bila harga sayur meningkat, pengusaha 'hilang' dan ada yang tidak mengisytiharkan keluasan tanaman kepada Jabatan Pertanian.

"Bila berlaku lambakan dan pemborong pun ambil harga rendah, barulah mereka cari FAMA dan minta kita pasarkan," katanya semalam.

Selain itu, Persatuan Pekebun Sayur dan Bunga Bumiputra Lojing (PPSBL) dilaporkan berdepan dengan lambakan timun sejak akhir bulan lalu hingga menyebabkan kira-kira enam tan timun terpaksa dibuang setiap hari.

Timbalan Pengurus PPSBL, Yusup Abd Rahaman, dilaporkan berkata, lambakan menyebabkan timun itu terpaksa dijual secara borong serendah 30 hingga 50 sen sekilogram, berbanding RM4 hingga RM5 sekilogram sebelum ini, menjadikannya paling teruk dalam tempoh dua tahun.



### Kementerian teliti itu

Sementara itu, di Alor Setar, BERNAMA melaporkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan meneliti masalah lambakan sayuran yang dilaporkan berlaku di Tanah Tinggi Lojing sehingga menjelaskan kira-kira 500 pekebun dalam usaha melaksanakan langkah penyelesaian berkesan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata FAMA turut berperanan memberi khidmat nasihat bagi memastikan bekalan sayuran stabil, sekali gus memanfaatkan pekebun tempatan.

Beliau berkata, FAMA pada masa ini membeli sayuran pada harga yang lebih mahal daripada harga pasaran kerana muhun membantu pekebun, namun langkah itu tidak membantu un-

tuk jangka panjang.

"Jadi, kementerian akan memastikan penyelarasan dibuat bagi seimbangkan bekalan sayuran tempatan dengan sayuran import," katanya pada Majlis Sambutan Aidilfitri Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Parti Amanah Negara (AMANAH) Kedah di sini, malam kelmarin.


Mohamad berkata, penanaman sayuran tertentu oleh ramai pekebun pada satu-satu musim dan kemudian dijual mengikut harga pasaran juga menjadi antara faktor wujud lambakan itu.

"Kadangkala apabila misalnya (harga) timun mahal, banyak yang akan mena-

nam timun. Bila dapat hasil nanti, ketika itu berlaku lambakan di pekebun. FAMA ada juga membantu iaitu membeli dengan harga tinggi, tetapi FAMA tidak dapat menampung semua," katanya.

Beliau berkata, pangkalan data juga sedang dikemas kini bagi membolehkan bantuan dan khidmat nasihat berseuaian disalurkan kepada pekebun dalam usaha mengatasi masalah lambakan itu.





25 APR, 2023

## FAMA bantu atasi lambakan sayur

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Tawar pengusaha kerjasama ladang kontrak, jamin ambil bekalan pada harga lantai

Kuala Lumpur: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sedia membantu memasarkan lambakan sayur, terutama timun yang dihadapi pengusahanya sejak akhir bulan lalu. Jurucakap FAMA berkata, pihaknya turut menawarkan kerjasama dengan pengusaha menerusi program ladang kontrak dan memberi jaminan mengambil bekalan itu pada harga lantai. "Kita tawarkan pengusaha adakan kontrak dengan FAMA supaya bila berlaku lambakan sayur, kita ambil bekalan mereka dan pasarkan.